



BIL.KELULUSAN : 19/2023  
TARIKH : 11.10.2023  
TARIKH KUATKUASAAN: 08.12.2023

## PENAMBAHBAIKAN GARIS PANDUAN BAGI CADANGAN TAMBAHAN DAN PINDAAN BALKONI BAGI RUMAH KEDIAMAN DI DALAM KAWASAN MAJLIS BANDARAYA KUANTAN (MBK)


Adalah dimaklumkan bahawa, **Mesyuarat Penuh Majlis Bil.11/2023 bertarikh 30 November 2023** telah bersetuju meluluskan Cadangan Penambahbaikan Garis Panduan Bagi Cadangan Tambahan Dan Pindaan Balkoni Bagi Rumah Kediaman Di Dalam Kawasan Majlis Bandaraya Kuantan (MBK).

Sehubungan itu, bersama-sama ini dilampirkan Garis Panduan tersebut untuk rujukan dan perhatian pihak Y.Bhg.Dato'/Datin/Tuan/Puan selanjutnya.

### 1.1. **Situasi 1 : Cadangan Ubahsuai Struktur Bumbung (Car Porch) Sedia Ada Kepada Ruang Balkoni Terbuka (Tidak Berbumbung)**

Cadangan ubahsuai struktur bumbung (car porch) sedia ada kepada ruang balkoni terbuka bagi rumah banglo, berkembar dan teres boleh dibenarkan dengan syarat seperti berikut:

- a. Perlu membina di sepanjang tepinya dengan susur, parapet atau alat-alat serupa selaras **UUK 116, Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Pahang) 1996**.
- b. Ketinggian susur, parapet atau alat-alat serupa hendaklah tidak kurang daripada 1.0 meter tinggi dan dibina dalam lot pemilik.
- c. Perlu melepa dan mengecat di kedua-dua belah bahagian sekiranya menggunakan dinding parapet.
- d. Menyediakan 'floor trap'/'spout pipe' pada ruangan balkoni untuk mengelakkan air bertakung.
- e. Mengemukakan surat sokongan daripada jiran bersebelahan bagi rumah berkembar dan teres.
- f. Mengemukakan surat akuan bersumpah akan bertanggungjawab sepenuhnya sekiranya terdapat aduan atau kerosakan atau kemalangan yang berpuncu daripada binaan tersebut tanpa melibatkan pihak MBK.




Rajah 1: Contoh pandangan perspektif rekabentuk susur atau parapet di atas bumbung sedia ada

## 1.2 **Situasi 2 : Cadangan Tambahan Balkoni Berbumbung di dalam anjakan hadapan 20 kaki.**

Cadangan tambahan balkoni berbumbung di dalam anjakan hadapan bangunan 20 kaki boleh dibenarkan dengan syarat:

- a. Unjuran bumbung balkoni tidak lebih 1.83 meter dari garisan bangunan dan tidak lebih separuh daripada bidang hadapan rumah selaras dengan **UUK 37(4), Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Pahang) 1996**.
- b. Perlu membina di sepanjang tepinya dengan susur, parapet atau alat-alat serupa selaras **UUK 116, Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Pahang) 1996**.
- c. Ketinggian susur, parapet atau alat-alat serupa hendaklah tidak kurang daripada 1.0 meter tinggi dan dibina dalam lot pemilik.
- d. Mengemukakan pelan struktur beserta laporan pengiraan daripada Jurutera Awam dan Struktur yang bertauliah bagi tambahan balkoni baharu.
- e. Perlu melepa dan mengecat di kedua-dua belah bahagian sekiranya menggunakan dinding parapet.
- g. Menyediakan 'floor trap'/'spout pipe' pada ruangan balkoni untuk mengelakkan air bertakung.

- h. Mengemukakan surat sokongan daripada jiran bersebelahan bagi rumah berkembar dan teres.
- i. Mengemukakan surat akuan bersumpah akan bertanggungjawab sepenuhnya sekiranya terdapat aduan, kerosakan dan kemalangan yang berpunca daripada binaan tersebut tanpa melibatkan pihak MBK.



Rajah 2: Contoh pandangan perspektif rekabentuk susur atau parapet di atas bumbung sedia ada

Disediakan Oleh:

**Bahagian Bangunan  
Jabatan Senibina  
Majlis Bandaraya Kuantan**